



Soalan dari:

Al-Ustaz Muhammaf bin Taib,
Masjid Jami' Lutung,
Miri Sarawak.

1. Ketua agama Islam seperti "*Social Welfare*" yang beragama selain dari agama Islam, adakah ia boleh dilantik menjadi ketua agama Islam, menjadi sebagai ketua Menteri Agama? Kalau sudah dilantik apakah orang-orang Islam hendak buat?

2. Kaum Muda, Kaum Tua. Adakah termasuk di dalam hal ehwal agama? Juga imam-imam yang empat, seperti imam-imam Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali diikuti oleh orang-orang Islam di seluruh dunia ini. Bukankah Islam mengikut hukum-hukum Allah seperti al-Qur'an dan al-hadith? Bolehkah kita ikut salah seorang daripada imam-imam yang empat itu? Dan kerana inilah diikuti oleh orang ramai. Kalau bermazhab Kaum Tua, ikut imam yang empat, kalau ikut al-Qur'an dan al-hadith ialah Kaum Muda. Di dalam fikiran saya, kerana agama Islam berpandukan al-Qur'an dan al-hadith. apa khabar yang lain?

Jawab (1)

Rasulullah *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* ada bersabda di dalam sepotong hadis yang berbunyi: "*idhā wasada al-amru ilā ghayri ahlihi fa intazara al-sā'at*". Maksudnya: "Apabila sesuatu perkara itu diletakkan (dipertanggungjawabkan) kepada bukan ahlinya, maka tunggulah masa keruntuhannya."

Jumlah kata yang dituju oleh hadith di atas terang membayangkan bahawa sesuatu urusan kalau dijalankan oleh seseorang yang bukan ahli atau

bukan pakar di dalam urusan itu, maka lambat laun urusan yang dipertanggungjawabkan ke atas pundaknya itu akan menemui kegagalan, akan hancur lebur dengan tidak mendatangkan sebarang faedah, bahkan akan merosakkan perjalanan urusan yang dipikulnya itu.

Ini baru urusan dunia yang tidak kena-mengena dengan urusan agama. Apatah lagi sesuatu urusan agama yang berhajat kepada orang-orang yang menjalankan urusan itu terdiri dari orang-orang yang tahu tentang selok-belok hukum-hukum agama. Kalaulah sesuatu urusan yang ada perhubungannya dengan soal-soal agama seperti jawatan "Ketua Menteri Agama" yang tuan katakan itu dilantik seorang yang bukan Islam, apakah yang akan terjadi? Kami fikir jawapannya tak payahlah kami jelaskan di sini, kerana tuan sendiri dan semua orang boleh menjawabnya dengan sekelip mata.

Apa pun tentang pertanyaan tuan: "Kalau sudah dilantik, apakah orang-orang Islam hendak buat?". Biarlah kami jawab soalan ini dengan sepotong ayat suci yang ada tercatat di dalam lembaran al-Qur'an al-Karim sebagai undang-undang Islam yang mesti dan wajib ditaati oleh setiap kaum Muslimin. Firman Tuhan itu berbunyi demikian:

"Lā yattakhiḥu al-mu'minūna al-kāfirūna

awliyā'u min dūni al-mu'minīna, wa man yaf'al dhalika falaysa min Allāhu fi shay'i illā an tattaqū minhum taqātu, wa yaḥdharukum Allāhu nafsahu, wa ilā Allāh al-maṣīr."

"Janganlah orang-orang mukminin itu mengambil orang-orang kafir menjadi pemimpin-pemimpin (ketua-ketua) mereka dengan meninggalkan orang-orang mukminin. Barang siapa yang berbuat demikian, nescaya terlepaslah ia daripada pertolongan Allah, kecuali kerana memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka dengan sebenar-benar takut, dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri-Nya (siksa-Nya) dan kepada Allah tempat kembali". [*Sūrah Āli 'Imrān: 28*].

Dengan mengamat-amati makna dan tujuan-tujuan ayat di atas kami fikir, pertanyaan tuan itu sudah terjawab. Tentang apa orang Islam hendak buat di atas perkara yang telah terjadi ini, maka itu terpulanglah kepada kekuatan iman yang tertanam di dada masing-masing.

Jawab (2)

Sebenarnya, soal "Kaum Muda dan Kaum Tua" ini tidak ada di dalam Islam, timbulnya kedua-dua golongan tersebut hanya diada-adakan oleh masyarakat Islam sendiri. Akibat dari sesuatu perkara yang diada-adakan – yang direka – di luar dasar-dasar dan konsep pengajaran yang dibawa oleh

1001 Masalah

Islam, maka terjadilah perpecahan dan pergeseran di antara umat Islam sesama sendiri. Perkara ini sangat mendukacitakan dan sangat dilarang oleh Islam yang sentiasa ingin melihat penganut-penganutnya bersatu padu dan bersefahaman di dalam masyarakat Islam yang teguh dan konkrit.

Imam-imam mazhab yang empat itu juga, tidak boleh dikatakan mereka itu “Kaum Tua”. Mereka tidak lebih dari ahli-ahli ijtihad yang memahami hukum-hukum Islam menurut kajian dan penyelidikan yang telah mereka jalankan. Kerana asal sumber-sumber hukum Islam di zaman Nabi Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* adalah tiga macam:

- 1 – Al-Qur’an al-Karim
- 2 – Al-Ḥadīth al-Sharīf
- 3 – Al-Ijtihād

Jika seseorang kadi (hakim) menghadapi sesuatu perkara mengenai hukum-hukum maka terlebih dahulu diperiksanya di dalam al-Qur’an. Jika ada dijumpai di dalamnya sesuatu hukum terhadap perkara itu, maka diselesaikannya dengan bersandarkan hukum yang di dapatnya di dalam al-Qur’an itu. Begitu pula apabila ia menjumpai sesuatu hadith yang boleh dijadikan pegangan dan sandaran untuk men jatuhkan sesuatu hukum, maka diikutilah hadis itu.

Tetapi apabila ia (hakim) itu tidak menjumpai sesuatu hukum yang jelas di dalam al-Qur’an atau hadith, maka ia pun berijtihadlah menggunakan

fikiran dengan halus dan cukup teliti. Hasil dari ijtihad dan pemikirannya itu digunakan sebagai pedoman dan sandaran dalam menyelesaikan sesuatu perkara yang diadilinya itu.

Sesudah Nabi Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* berpulang ke rahmat Allah Ta’ālā, terdapat pula suatu sumber penting di dalam hukum Islam. Sumber hukum yang baru ini mendapat tempat ketiga sesudah al-Qur’an dan hadith. Sumber itu ialah “ijmak” para Sahabat.

Ijmak ini telah mendapat kedudukan sebagai satu sumber dalam Islam, kerana pada hakikatnya “ijmak para Sahabat” adalah merupakan “ijtihad” sekumpulan ahli-ahli hukum Islam yang terdiri daripada para Sahabat yang paling hampir sekali dengan zaman Rasulullah. Oleh kerana itu nilai “ijmak para Sahabat” ini adalah lebih tinggi dari “ijtihad” perseorangan.

Sesudah perkembangan hukum-hukum Islam ini bertambah sumber terbitannya daripada dua menjadikan empat – al-Qur’an, hadith, ijmak dan ijtihad – maka apabila seseorang hakim hendak menyelesaikan sesuatu perkara mengenai hukum-hukum Islam, dicarinyalah lebih dahulu hukumnya di dalam al-Qur’an, hadith atau ijmak. Jika tidak dijumpainya pada salah satu dari sumber yang tiga itu, baharulah ia berijtihad dan diselesaikannya perkara itu menurut hasil ijtihadnya.

Ijtihad cara perseorangan dari seorang imam itu telah menyebabkan timbulnya berbagai-bagai aliran mazhab,

kerana para imam atau para ulama itu ada kalanya fahaman mereka di dalam ijtihadnya itu bersamaan pendapat dan ada kalanya berselisihan pendapat di antara satu sama lain, sebab itu muncullah berbagai-bagai aliran mazhab yang mencerminkan pendapat para ulama yang mengasaskan mazhab-mazhab tersebut. Di antara amazhab-mazhab itu telah lenyap disebabkan tidak ada pengikut-pengikutnya dan ada pula yang masih hidup subur dan banyak pengikut-pengikutnya hingga ke hari ini. Ada pun di antara mazhab-mazhab yang masih hidup subur dan paling terkenal dengan sebab banyak pengikut-pengikutnya yang terdiri daripada umat Islam dari golongan *ahli al-sunnah wa al-jamā’ah*, ialah mazhab Ḥanafī, Malikī, Shafī’ī dan Hanbalī.

Jadi Imam Abu Hanifah al-Nu‘man bin Tsabit (yang mengasaskan mazhab Ḥanafī), Imam Malik bin Anas (yang mengasaskan mazhab Malikī), Imam Abu Abdullah Muhammad bin Idris bin Uthman bin Shafī’ī (yang mengasaskan mazhab Shafī’ī) dan Imam Ahmad bin Hanbal bin Hilāl al-Shaybāni al-Baghdādi (yang mengasaskan mazhab Hanbalī) mereka ini semuanya tak lebih dan tak kurang adalah sebagai ahli ijtihad di dalam memahami hukum-hukum Islam yang sumbernya mereka ambil daripada al-Qur’an dan hadith. Ini memang mereka akui sendiri. Oleh itu memang mereka akui sendiri. Oleh itu tidak hairan salah seorang dari mereka pernah berkata: “Janganlah kamu mengambil dari kami (sesuatu hukum) tetapi ambillah dari sumber tempat kami mengambil yaitu al-Qur’an dan hadith.”

1001 Masalah

Jadi tentang pertanyaan tuan:

“Bolehkah kita ikut salah seorang daripada imam-imam yang empat itu?” Kami berpendapat tidaklah ada salahnya kita menjadi pengikut imam-imam yang empat itu, lantaran hukum-hukum yang dipakai di dalam mazhab imam-imam yang empat itu sumber terbitnya adalah diambil daripada al-Qur’ān dan

hadith).

Kesimpulannya kami tetap menyokong mana-mana mazhab yang sumber hukumnya diambil daripada al-Qur’ān, hadith, ijmak Sahabat dan ijtihad. Dalam soal ijtihad ini keseluruhan orang-orang Islam memang tidak ditegah oleh syarak untuk berijtihad selagi syarat-syarat berijtihad itu ada pada diri masing-masing. Tegasnya soal “Kaum Muda dan Kaum Tua” yang tuan bawakan dalam

masalah ini tidak ada sama sekali dalam Islam. Kalau diada-adakan juga maka bererti perpecahan dan persengketaan akan terus berlaku di kalangan umat Islam sesama sendiri dengan tidak habis-habisnya.

Hanya sekianlah sekadar jawapan yang dapat kami berikan dalam dua pertanyaan yang tuan kemukakan itu. Mudah-mudahan akan memuaskan tuan.
Wa bi Allāhi al-tawfiq wa al-hidāyah

Abu al-Mokhtar

BUKU BARU

SUDAH SIAP

ISLAM

PEMELUK DAN ULAMA-NYA

- * MENGANALISA dengan tegas tentang kejahilan Pemeluk2 Islam terhadap hukum agama yang mereka anuti, sa-hingga mereka menjadi suatu ummat yang mundur di-dunia ini
- * MENGUPAS dengan panjang lebar tentang kelebihan, kemantapan dan keindahan undang2 Islam chiptaan Tuhan dari undang2 dunia chiptaan manusia.
- * MENENTANG dengan keras ka-atas orang2 yang menda’wa hukum2 dalam Shari’at Islam itu tidak sesuai lagi di-praktekkan dalam zaman moden ini.
- * MENGKERITIK dengan terus terang terhaap Pemembesar2 Negara, Pemimpin2 Islam dan Para Ulama’-nya yang tidak mahu bertanggung-jawab menegakkan sa-buah negara yang berchorak Islam.
- * TEBAL-NYA 175 muka, berkulit tebal warna warni. Di-chetak dalam huruf rumi dengan menggunakan jalan bahasa yang mudah di-faham oleh semua golongan masharakat.

Harga Sa-buah \$3.00

Pos 20 sen

Pesan-lah kepada:

Q A L A M

8247, Jalan 225

Petaling Jaya

Selangor